

29/09/2003

Hudud, qisas: Pas Terengganu dijangka hadapi masalah

GUA MUSANG: Kerajaan Pas Terengganu yang mendakwa akan menguatkuasakan serta merta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) bulan depan dijangka menghadapi pelbagai masalah termasuk tanggungjawab pihak berkuasa termasuk polis yang masih di bawah Kerajaan Persekutuan.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata bukan mudah bagi sesebuah kerajaan negeri hendak melaksanakan undang-undang yang dirangka sendiri walaupun sudah diluluskan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Beliau berkata, setiap pelaksanaan undang-undang itu perlu mengambil kira pelbagai aspek termasuk jabatan kerajaan, rakyat berbilang kaum dan kandungan enakmen itu sendiri yang belum didedahkan kepada umum.

Katanya, kerajaan negeri itu sepatutnya menjelaskan terlebih dulu kandungan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang hendak diwartakan supaya semua pihak dapat mengetahui dengan tepat.

"Ini tidak... kerajaan negeri itu seolah-olah cuba menyembunyikan kandungan enakmen berkenaan, dan saya pun hanya boleh membaca kandungan enakmen itu apabila ia hendak diwartakan.

"Undang-undang yang hendak dilaksanakan perlu ada persetujuan termasuk juga rakyat," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Kecemerlangan Pendidikan 2002, Felda Wilayah Gua Musang, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, kelmarin yang menyebut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Qisas) negeri itu akan diwartakan Oktober depan dan berkuat kuasa serta merta.

Abdul Hadi dilaporkan berkata, kerajaan negeri akan mewartakan enakmen itu sebelum Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bersara akhir bulan depan.